

Buletin

PUSAT INOVASI PEMBELAJARAN & PENGAJARAN



PIPP

Membantu USIM menjadi **Universiti Terkehadapan**

**Kursus dan
Aktiviti 2013**


**Maklumat
Berkaitan MQA**

**Garis Panduan
PENYEDIAAN
PROGRAM
BAHARU
AKADEMIK**

**MODERN METHOD
OF LEARNING THE
ARABIC LANGUAGE
FOR NON-NATIVE
SPEAKERS**

**Aplikasi Pendekatan
Client Centred
Dalam Pengajaran
dan Pembelajaran**

**Dr. Isa's
TEACHING
PHILOSOPHY
STATEMENT**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertama kali ingin saya merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) USIM berjaya menghasilkan Buletin PIPP edisi ke-2 ini.

Buletin PIPP ini diterbitkan dengan tujuan menyebarkan maklumat mengenai perancangan dan aktiviti yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh PIPP bagi tujuan menyokong serta memantapkan proses pembelajaran dan pengajaran di USIM. Ianya juga diharapkan dapat menyediakan satu ruang kepada staf akademik, staf sokongan dan juga pelajar untuk menyalurkan maklumat, pandangan dan sumbangan fikiran bagi tujuan tersebut.

PIPP memberikan tumpuan kepada beberapa fokus utama dalam usaha membantu Universiti mencapai kecemerlangan P & P. Antara fokus utamanya ialah membantu staf akademik mempertingkatkan penguasaan dan kemahiran berkaitan pelbagai strategi P & P dan seterusnya untuk membantu staf akademik menggunakan teknologi ICT dalam P & P.

Usaha peningkatan dan penjaminan kualiti dalam P & P di USIM memerlukan penglibatan dan komitmen pelbagai kumpulan warga Universiti. Pelbagai pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab mereka untuk mencapai tujuan ini. Dalam konteks ini, PIPP akan sentiasa berusaha membantu Universiti mencapai hasratnya untuk menjadi sebuah Universiti yang terkehadapan, yang mana kejayaan ini pasti bergantung di tangan warga Universiti khususnya staf akademik.

Akhirnya, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan padu dan semangat kerjasama yang tinggi yang ditunjukkan oleh pengurusan Universiti dan staf USIM dalam menyertai dan menjayakan aktiviti yang dirancang. Ucapan terima kasih juga khusus saya tujukan kepada semua staf PIPP di atas komitmen dan sokongan padu anda dalam menjayakan aktiviti yang dirancang. Dedikasi terhadap tugas dan usaha berterusan tanpa jemu yang ditunjukkan membolehkan kita mencapai kejayaan seperti mana yang diharapkan.

DR. OTHMAN BIN AB. RAHMAN

Pengarah

Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP)

BULETIN Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran | Edisi 2013

Buletin Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran berserta isi kandungannya adalah hak milik PIPP. Buletin ini tidak boleh dicetak semula, disalin, atau ditiru atau diterjemah untuk apa-apa tujuan, tanpa kebenaran bertulis daripada PIPP. Sebarang artikel, cadangan atau komen amat dialu-alukan. Sila alamatkan

Sidang Redaksi

- **PENAUNG:**
Y. BHG. PROF. DATO' DR. ASMA BINTI ISMAIL
Naib Canselor USIM
- **PENASIHAT:**
Y. BHG. PROF. DATO' DR. MUSA BIN AHMAD
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
- **KETUA EDITOR:**
DR. OTHMAN BIN AB. RAHMAN
- **EDITOR:**
DR. MOHD ZALISHAM BIN JALI
EN. MARWAN BIN TAHIR
PN. FARHAN BINTI MUSTAFA

• **PENERBITAN / GRAFIK / FOTOGRAFI:**
EN. MUIN BIN YAHAYA

• **WARTAWAN:**
PN. ROZILAH BINTI RAZALI
PN. SITI HAJAR BINTI RAMLI

• **EDARAN:**

Kursus dan Aktiviti 2013

1. KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN BIL.1/2013 (4 - 19 Februari 2013), BIL.2/2013 (6 - 15 November 2013) Nilai, USIM

Kursus Metodologi Penyelidikan USIM adalah merupakan salah satu syarat yang diwajibkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kepada kakitangan akademik dan pentadbiran yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana atau Ph.D sama ada di dalam ataupun di luar negara. Kursus ini juga bertujuan untuk membimbing serta membantu kakitangan akademik dan pentadbiran USIM untuk membuat persediaan rapi sebelum meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.



Kursus Bil.1/2013 dihadiri seramai 12 orang peserta, manakala Kursus Bil.2/2013 seramai 35 orang yang terdiri daripada kakitangan akademik USIM dan felo siswazah. Walaupun sasaran jumlah peserta tidak tercapai, namun komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh peserta yang sedia ada telah membuatkan program ini telahpun menepati objektifnya.

2. KURSUS PENGENALAN KEPADA PROBLEM BASED LEARNING (PBL) • 21 - 22 Mac 2013, Nilai, USIM



PIPP telah menganjurkan Kursus Pengenalan Kepada PBL bagi mencapai matlamat dan sasaran yang telah digariskan dalam Teras Kedua, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu menambah baik kualiti Pengajaran dan Pembelajaran, beberapa transformasi telah dilaksanakan menerusi peralihan kaedah penyampaian yang melibatkan *Student Centred Learning* (SCL) yang lebih bersifat dua hala.

Kursus ini dihadiri seramai 47 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan akademik USIM. Pengisian program kali ini adalah lebih fokus kepada memberi panduan, pendedahan serta keyakinan kepada kakitangan akademik USIM dalam melahirkan graduan yang berkualiti tinggi serta menepati keperluan sumber manusia



negara. Di samping itu juga, perkongsian idea serta teknik-teknik PBL yang terkini, efektif dan berkesan turut dikongsi bersama oleh panel jemputan luar yang pakar dalam bidang ini iaitu Y.Brs. Prof. Madya Dr. Berhannudin Mohd Salleh dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



3. PROGRAM SESI PERKONGSIAN ILMU BAGI PROGRAM SANGKUTAN KAKITANGAN AKADEMIK USIM

- 26 April 2013

Seramai 15 orang kakitangan akademik USIM telah menyertai program ini yang diadakan bertempat di Bilik Latihan, Bangunan Dataran Selera



Program seperti ini dianjurkan untuk memberikan penerangan dan panduan kepada kakitangan akademik USIM yang akan menjalankan program sangkutan pada masa akan datang. Program ini juga sebagai sesi perkongsian bagi kakitangan yang telah menjalankan program sangkutan sebelum ini kepada peserta berkaitan pengalaman sebelum, semasa dan selepas menjalankan program sangkutan.

4. KURSUS PENYEDIAAN FOLIO PENSYARAH

- 7 Mei 2013

Seramai 17 orang kakitangan akademik USIM telah menyertai Kursus Penyediaan Folio Pensyarah anjuran PIPP yang diadakan bertempat di Bilik Latihan, Bangunan Dataran Selera.

Portfolio pengajaran adalah sebagai satu cara yang berkesan untuk kakitangan akademik USIM untuk menggambarkan, menerangkan dokumen falsafah mereka mengajar, matlamat, dan pencapaian. Satu portfolio adalah koleksi bahan-bahan yang berbeza yang membantu untuk mendokumentasikan pengalaman peserta sebagai kakitangan akademik dan menerangkan pelbagai aspek keupayaan pengajaran.





5. KURSUS NILAI, ETIKA DAN INTEGRITI PROFESIONAL AKADEMIK

• 8 Mei 2013, Nilai, USIM

PIPP telah menganjurkan Kursus Nilai, Etika dan Integriti Profesional Akademik yang telah dihadiri seramai 45 orang peserta bertempat di Bilik Latihan, Bangunan Dataran Selera. Kursus ini dikendalikan oleh panel jemputan luar yang berpengalaman iaitu Ir. Ahmad Jais Alias dari Cerna Minda Sdn. Bhd.

Kursus ini telah berlangsung dengan lancar dengan harapan agar peserta dapat memahami tujuan utama objektif kursus yang dianjurkan bagi memberi kesedaran tentang kepentingan adab, akhlak dan nilai-nilai utama pembinaan peribadi berintegriti.

6. KURSUS PENILAIAN PSIKOMOTOR

• 14 Mei 2013, Nilai, USIM

Panel jemputan dalaman yang berpengalaman telah dijemput untuk berkongsi dan membimbing kakitangan akademik USIM tentang kaedah-kaedah/teknik-teknik Penilaian Psikomotor yang fokus kepada penilaian pergerakan fizikal, ko-ordinasi serta penggunaan *motor-skills areas* dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Kursus tersebut diadakan di Bilik Latihan, Bangunan Dataran Selera.

Kursus ini telah dihadiri seramai 17 orang peserta. PIPP mengharapkan peserta tersebut dapat memperkasakan kemahiran serta menggunakan Penilaian Psikomotor sebagai salah satu kaedah penilaian pelajar bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian pengajaran.



7. KURSUS PENILAIAN AFEKTIF DAN KOGNITIF

• 21 Mei 2013, Nilai, USIM

Untuk membimbing dan mendedahkan kepada kakitangan akademik USIM tentang kaedah-kaedah/teknik-teknik Penilaian Afektif dan Kognitif terhadap pelajar yang meliputi aspek motivasi, perasaan, emosi, sikap serta kepercayaan (beliefs/values) dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran Universiti, PIPP telah menganjurkan Kursus Penilaian Afektif dan Kognitif. Kursus ini telah dihadiri seramai 25 orang peserta yang bertempat di Bilik Latihan, Bangunan Dataran Selera.



Panel jemputan dalaman yang berpengalaman telah dijemput untuk membimbing serta berkongsi ilmu dengan peserta. Kursus ini telah berlangsung dengan jayanya walaupun penyertaan daripada kakitangan akademik USIM tidak mencapai sasaran.

8. KURSUS ACTION RESEARCH

• 10 Jun 2013, Nilai, USIM

Seramai 47 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran USIM telah menyertai Kursus *Action Research* anjuran PIPP yang diadakan di Bilik Latihan, Bangunan Dataran Selera.

Objektif penganjuran kursus ini adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta berkenaan konsep dan metodologi dalam melaksanakan program *action research*. Di samping itu juga, kursus ini dapat mendedahkan peserta kepada peningkatan kemahiran serta kepentingan dalam mengenal pasti masalah dan kaedah penyelesaiannya semasa melaksanakan *action research*.



Perkongsian idea, teknik serta pengalaman turut dikongsi bersama oleh panel jemputan luar yang berpengalaman iaitu Y.Brs. Dr. Kamaruzaman Moidunny, Pensyarah Kanan, Institut Aminuddin Baki.

9. KURSUS PENYEDIAAN DAN PENAKSIRAN SOALAN

• 18 Jun 2013, Nilai, USIM

PIPP telah menganjurkan Kursus Penyediaan dan Penaksiran Soalan yang telah dihadiri seramai 41 orang peserta bertempat di Bilik Latihan, Bangunan Dataran Selera. Kursus ini dikendalikan oleh panel jemputan dalaman yang pakar dan berpengalaman dalam bidang ini iaitu Prof. Madya Dr. Bhasah Abu Bakar.

Peserta diberi penerangan dan panduan berkenaan keperluan serta kepentingan penyediaan dan penaksiran soalan-soalan peperiksaan yang berkualiti serta memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Universiti.



10. KURSUS ASAS PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

• 19 Ogos - 2 September 2013, Nilai, USIM

PIPP telah menganjurkan Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran yang telah dihadiri seramai 42 orang kakitangan akademik lantikan baharu USIM serta kakitangan akademik yang baru sahaja pulang dari cuti belajar dan telah melapor diri untuk bertugas.

Modul disediakan sepertimana yang telah digariskan dalam Buku Modul Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebelum ini.



11. PRA BENGKEL PERSEDIAAN SETARA DAN D-SETARA

• 26 Ogos 2013, Ruang Galeri, Bangunan Canselori



PIPP telah menganjurkan Prabengkel Persediaan SETARA dan D-SETARA bagi tujuan untuk memastikan pihak PTJ yang terlibat mengambil langkah awal untuk menyediakan keperluan data SETARA dan D-SETARA serta merangka tindakan penambahbaikan data dan aktiviti yang berkaitan bagi memenuhi keperluan penilaian oleh Panel SETARA dan D-SETARA.

PIPP mengharapkan agar persediaan SETARA ini sebagai agenda Universiti dan diberikan perhatian serius oleh setiap PTJ di USIM.

12. BENGKEL PERSEDIAAN SETARA DAN D-SETARA

• 6 September 2013, Nilai Spring Resort Hotel

Bengkel Persediaan SETARA dan D-SETARA telah dilangsungkan dengan jayanya. Bengkel tersebut dihadiri seramai 53 orang yang terdiri daripada kakitangan akademik dan pentadbiran.



Bengkel ini bertujuan untuk memastikan pihak PTJ yang terlibat memahami keperluan SETARA dan D-SETARA serta mengambil tindakan penambahbaikan dalam penyediaan data dan maklumat yang berkaitan bagi memenuhi keperluan penilaian SETARA dan D-SETARA. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM.

13. KURSUS CURRICULUM DESIGN AND DELIVERY

• 23 Disember 2013, Nilai, USIM

Seramai 33 orang kakitangan akademik telah menghadiri Kursus *Curriculum Design and Delivery*. Kursus ini diadakan dengan tujuan memfokuskan, memberi penekanan dan menjelaskan sesuatu program berdasarkan elemen perancangan (planning), pelaksanaan (implementation), pemantauan (monitoring) dan penilaian (assessment) dalam pelaksanaan program akademik.

Kursus ini telah berjalan dengan lancar dikendalikan oleh panel jemputan luar yang berpengalaman iaitu Y.Bhg. Prof. Dr. Zarida Binti Hambali, Profesor Universiti Putra Malaysia. Kursus ini diadakan di Bilik Seminar, Aras 4, Bangunan Perpustakaan.



Maklumat Berkaitan

Kelayakan dan Pengiktirafan

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui Pekeliling MQA Bil.02/2012 - Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practice For Open And Distance Learning, ODL*) melalui surat bertarikh 28 Jun 2012 telah menyediakan rujukan dan panduan bagi penawaran program akademik yang menggunakan mod penyampaian secara pembelajaran terbuka dan jarak jauh.

Melalui kaedah pembelajaran tersebut USIM sedang merancang penawaran program akademik pascasiswazah melalui kaedah tersebut. Senarai program akademik yang akan ditawarkan menggunakan kaedah tersebut adalah seperti berikut:

1. Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat (FEM)
2. Doktor Falsafah Syariah Kehakiman (FSU)
3. Doktor Falsafah Kaunseling (FKP)
4. Doktor Falsafah Komunikasi (FKP)
5. Doktor Falsafah Pengajian Bahasa Inggeris (FPBU)
6. Doktor Falsafah Pengajian Bahasa Arab (FPBU)
7. Doktor Falsafah Pendidikan (FPBU)
8. Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat (FEM)
9. Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)
10. Sarjana Syariah (FSU)
11. Sarjana Undang-Undang (FSU)

Selain itu, pihak MQA juga telah mengeluarkan Pekeliling MQA Bil.1/2013 - Penggunaan Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran pada 4 Mac 2013. Standard ini menjadi panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran program Ijazah Sarjana dan Kedoktoran di institusi masing-masing serta digunakan oleh semua pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam penilaian program. Dokumen standard ini menggariskan standard minimum pelbagai

kedoktoran manakala standard program pula menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus disiplin tertentu. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard ini dengan standard program, maka standard yang lebih tinggi akan terpakai.

Pekeliling MQA Bil.2/2013 - Penggunaan Standard Program bertarikh 4 Mac 2013 juga telah memaklumkan tentang penggunaan Standard Program Ukur Bangunan dan Standard Program Pengajian Islam. Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk memenuhi keperluan standard berkenaan adalah bermula pada 1 April 2013 sehingga 31 Mac 2014. Bermula 1 April 2013, semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya dan dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian. Selain itu, pengambilan pelajar pada dan selepas 1 April 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

Pekeliling MQA Bil.5/2013 - Penggunaan Standard Program bertarikh 12 November 2013 juga telah memaklumkan tentang penggunaan Standard Program Psikologi dan Standard Program Sains Maklumat. Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk memenuhi keperluan standard berkenaan adalah bermula pada 1 Disember 2013 sehingga 30 November 2014. Bermula 1 Jun 2014, semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya dan dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian. Selain itu, pengambilan pelajar pada dan selepas 1 Jun 2014 hendaklah mengikut syarat kelayakan


Garis Panduan **PENYEDIAAN** **PROGRAM AKADEMIK BAHARU**

Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menjalankan Kajian Semula Prosedur Permohonan Penawaran Program Akademik Baharu, Semakan Kurikulum dan Penubuhan Fakulti/Entiti Akademik di IPTA. Sehubungan itu, beberapa siri bengkel pemurnian telah diadakan bermula pada sesi prabengkel berkenaan pada 30 Ogos 2013, seterusnya Bengkel Pemurnian Kali pertama pada 28 September 2013 dan Bengkel Pemurnian Kali ke-2 pada 21 dan 22 Oktober 2013.

Proses kerja yang telah dikemaskini adalah proses permohonan Program Akademik Baharu ke KPM yang melibatkan Proses Umum Permohonan Program Akademik Baharu bagi semua IPTA yang bukan berstatus Autonomi dan Swa Akreditasi. Permohonan program akademik baharu yang telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Perancangan Akademik (JPPA), USIM akan melalui proses kelulusan seperti yang ditunjukkan pada rajah berikut:


PROSES KELULUSAN PENAWARAN PROGRAM BAHARU


PERANAN CARTA ALIRAN PENERANGAN PROSES




PERANAN

CARTA ALIRAN PENERANGAN PROSES

PP UKP  10. Menerima maklum balas penerimaan dokumen lengkap daripada pihak MQA dan status terkini permohonan Akreditasi Sementara tersebut (sekiranya memerlukan maklumat tambahan).


PP UKP  11. Menyediakan makluman kepada pihak Fakulti berkaitan status permohonan Akreditasi Sementara program berkenaan. Bagi dokumen yang memerlukan maklumat tambahan, pihak Fakulti diberikan tempoh penyediaan 2 minggu atau sebelum tamat tempoh yang diberikan oleh MQA.


PT (P/O)  12. Memohon perlanjutan tempoh penyediaan maklumat tambahan kepada MQA (secara emel kepada pegawai MQA yang berkenaan) sekiranya tempoh yang ditetapkan oleh pihak MQA tidak dapat dipenuhi oleh pihak Fakulti.

PP UKP  13. Memaklumkan pihak Fakulti tempoh penyediaan maklum balas yang dipersetujui oleh pihak MQA.

PP UKP  14. Menerima makluman Perakuan Memenuhi Keperluan Kualiti (CQC) daripada pihak MQA bagi permohonan Akreditasi Sementara program berkenaan.


PT (P/O)  15. Menyediakan surat makluman kepada pihak Fakulti berkenaan Perakuan Memenuhi Keperluan Kualiti (CQC) daripada MQA dan pihak Fakulti dikehendaki mendapatkan kelulusan penawaran program tersebut di Mesyuarat Senat Universiti.

PP UKP  16. Setelah program tersebut diperakukan di Mesyuarat Senat Universiti, kertas cadangan kelulusan penawaran program tersebut disediakan untuk pertimbangan mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

PT (P/O)  17. Menyediakan surat kepada pihak Fakulti supaya menyediakan enam (6) salinan bercetak dan dua (2) salinan *softcopy* dokumen program berkenaan untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) bagi tujuan kelulusan penawaran program berkenaan.

PP UKP  18. Menerima dokumen lengkap daripada pihak Fakulti.


PT (P/O)  19. Menyediakan surat permohonan untuk pertimbangan kelulusan penawaran program kepada Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi.

PP UKP  20. Menyerahkan dokumen lengkap permohonan untuk pertimbangan kelulusan penawaran program kepada Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi.

PP UKP  21. Setelah program diluluskan oleh pihak JPT, perlu dimaklumkan kepada pihak MQA bagi pengeluaran Akreditasi Sementara.

PT (P/O)  22. Menyediakan surat permohonan *Demand Draft* kepada pihak Bendahari bagi pembayaran fi pengeluaran Akreditasi Sementara kepada MQA.

PP UKP  23. Menerima makluman Akreditasi Sementara daripada pihak MQA.

PT (P/O)  24. Menyediakan surat makluman kepada pihak Fakulti dan merekod tempoh Akreditasi Sementara program berkenaan

TAMAT

GALERI 2013

Program Tazkirah Syahriyyah PIPP Siri - 1/2013
diadakan pada 31 Januari 2013.



Latihan Aplikasi Web 2.0
pada 13 Mac 2013



Mesyuarat
Persediaan
Lawatan
Audit MQA
ke USIM
telahpun
berlangsung
26 April 2013.



Lawatan Audit Pascaijazah IPTA



Majlis Iftar Ramadhan pada 24 Julai 2013.



Program Tazkirah Syahriyyah PIPP Siri - 2/2013
pada 04 Mac 2013



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2013 peringkat
USIM pada 29 Ogos 2013 bertempat di Stadium
Tertutup Nilai



Kursus Asas Penggunaan Macmini dan Macbook Air
pada 13, 15 dan 16 Mei 2013 bertempat di Makmal K - Space,

MODERN METHOD OF LEARNING THE ARABIC LANGUAGE FOR NON-NATIVE SPEAKERS

By : **ASSOCIATE PROF. DR. ASMA ABDUL RAHMAN**

Faculty of Major Languages Studies & Center for Awqaf Financing Development USIM

: **PROFESSOR DATO' DR. MOHAMMAD HAJI ALIAS**

Faculty of Economics and Muamalat & Center for Awqaf Financing Development USIM

Introduction

In the transmission of knowledge and skills to learners, teaching methodology plays a crucial role (Sueraya Che Haron, 2013). The methodology used has a direct bearing on the effectiveness of both knowledge and skills transfers. The learning and teaching of a foreign language, in this case Arabic, is no exception. The teaching and learning of Arabic may be viewed from either the learners' perspective or from the producers' (institutions of learning). Whatever the perspective is, the learning outcomes ought to be effectiveness and strengths in all the skills viz. listening, speaking, writing and understanding. Many studies (quoted in Sueraya Che Haron, 2013) have found that Malay learners of Arabic in general exhibit weak proficiency/speaking skills in Arabic even though they have spent a significant number of years in learning the language. What are the reasons for this? The reasons are associated with the methodology used. The studies found that the popular methods of teaching and learning the Arabic language in schools and institutions of higher learning have been reading, translation and memorisation. Mat Taib (2006) has asserted that the problem has worsened even though there has been significant improvements in the educational infrastructures (better facilities and materials, improvements in curriculum and better trained teachers)(Mat Taib Pa, 2006).

Before we proceed to elaborate on the main elements of the modern method of teaching Arabic to non-native speakers, let us look at some of the reasons why we should learn Arabic, and strive to be good at it. This is by way of motivating ourselves. Firstly, Arabic is the language of Al-Quran. Allah states in the Holy Quran: "Verily, We sent it down as an Arabic Quran in order that you may understand". One needs to learn Arabic in order to increase our understanding of Islam 'Umar

(may Allah be pleased with him) said: "*Learn the Sunnah and learn Arabic; learn the Quran in Arabic for it is in Arabic*". 'Umar also said: "*Learn Arabic for it is part of your Religion and learn how the estate of the deceased should be divided (al-Faraa'id) for these are part of your religion*". Secondly in the context of Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), proficiency in both Arabic and English is compulsory. The importance accorded to the Arabic language is the fact that the source

language for knowledge in Islamic studies and sciences is indeed Arabic. Third Arabic is the official language used in the Organisation of Islamic Conference, Arab League and the UN. It is the fifth most spoken language in the world and it is the mother-tongue in most Middle-Eastern countries. With the increased globalisation of the Middle Eastern countries, opportunities for trade, investment and employment will certainly be enhanced. There is an increasing trend in tourist

arrivals either for leisure or for medical treatment to Malaysia. This would require an increasing number of tourism related personnels who are conversant in Arabic.

In the following section we proceed to elaborate on the main elements of the modern method.

Main Elements of the Modern Method

This method depends on the *Programmed Educational Style*. The method improves the self-learning through using Electronic media and which can be used in classes, language laboratories and at homes. The method is also supported with textbooks and CDs. In addition, the method depends on the audio and oral style, which is related to Communicative Language. The modern method consists of many educational units, where the beginners can learn listening, understanding, speaking, reading, and writing skills. In the program there are several linguistic practices, which are easy and connected with the subjects.

Oral entrance

Each unit starts by oral entrance, which is extendable by using other language skills. In every unit the student reviews what has been learned in the previous unit and improves speaking skill with

finishing all the entrances and units, the student would have gained the required skills for this level.

Learning the functional Vocabularies orally

It is easy for the teacher to teach the students new words using pictures and pronouncing them orally better than any other ways; also the teacher can use these words in different situations and ask the students on new words by asking them questions such as (is this? what is this?) or by following the instructions which are mentioned with each group of words. In this stage there is no need to translate the words, because the pictures are self-explanatory.

Learning the functional Vocabularies by writing

In this stage, the student focuses on learning the writing skill by starting to answer the questions in the textbook. After that, the teacher can read each question and encourage all students to read the answers aloud. Each student takes turn in this exercise. The teacher can also suggest that every two students perform role-playing in conversation. Or the teacher can choose a student from first row in the class, and another student from the last row in the class and ask them to do this conversation in front of all other students. By listening, focusing, and

exercise, and this help students to memorize the words indirectly. This manner makes the Arabic sounds familiar to students, and that will be useful when the students begin to learn the reading and writing skills.

Learning the listening skill

The listening mechanism for beginners starts by training to pronounce correctly the Arabic letters and to distinguish between letters in different words. This training will be in Arabic, an exercise that is very challenging for non-native speakers. The mechanism of listening that is applied in special class may be called 'listening session'. The main target is to train the ears to listen and understand correctly. This training can be done by using pictures in the first level without the need to translate the words.

Learning the speaking skill

This can be initiated from first day in studying the Arabic language, by using the oral training with conversations with the aim to apply new words in sentences. The sentences are amenable to be expanded and are easy to be memorized by the students. Indeed this mechanism could motivate students to speak Arabic more and more (I have seen the student speaking continuously, except when is writing. Even in this moment, why the student stops

this situation all the skills can serve the speaking skill).

The teacher should encourage students to love to speak the Arabic language. The exercises are very useful for students, which give them a feeling about how learning the Arabic language is easy (this has been our aim from the beginning).

Learning the reading skill

We can notice that language skills are overlapping; that when we teach students how to pronounce the words, we teach them how to read the words actually; and it becomes easy for students to read a passage when they have memorized them before. Also, it is easy for student to read a word that he has repeated many times before. The program aims to give students a chance to listen to appropriate number of new words every time, which makes reading and writing easy for students. After that we can teach a student how to analyse the word into its roots. This method

is so-called the inclusive method. In this method the students learn the entire sentences and words before analysiing them to their roots.

Learning the writing skill

When the student writes the word, he may feel comfortable; and the word is imprinted in his/her mind for a long time. The training of the writing skill can begin slowly through useful examples, which improve the writing mechanism. As the student's writing skill improves from strength to strength, the student can start summarising paragraphs and passages. This will make the student confident about his ability to organise the thoughts and ideas in his mind.

Electronic Linguistic Test

This test aims to measure the understanding of student. The test has the ability to respond immediately to student's answers, and gives the grades directly. In addition, this test can

provide the student another way of learning through self-examination until he is sure about the improvement in his language skills. The test also has a variety of questions that cover all elements of the program, with special emphasis on reading and listening questions. One of the advantages of the Electronic Linguistic Test is the ability to guide the student to know his real level and encourage him to learn over and over again. The results are gained immediately without waiting for the teacher to check the test and gives the student the marks; and without worry and concerns about failure.

Note:

The authors are grateful to Mr. Mustafa Jomah Junto, a PhD student in the Faculty of Economics and Muamalat, USIM for his help in translating the draft of the manuscript from Arabic to English.

REFERENCES

- Mat Taib Pa. 2006. Dasar-dasar umum pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Bab dalam Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa (Pyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Sueraya Che Haron. 2013. The Teaching Methodology of Arabic Speaking Skills: Learners' Perspectives. *International Education Studies*, Vol. 6, No. 2, pp. 55-62.

Aplikasi Pendekatan *Client Centred* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Oleh: DR OTHMAN BIN AB RAHMAN

Pendahuluan

Proses pengajaran dan pembelajaran kepada ahli-ahli akademik di universiti termasuk Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan suatu yang sangat dititikberatkan. Ini bertepatan dengan Amanat USIM 2013 oleh Naib Canselor USIM yang menggariskan sepuluh cabaran yang harus dihadapi oleh USIM untuk terus maju di masa hadapan. Dalam amanat tersebut, Naib Canselor meletakkan cabaran kedua yang perlu dihadapi oleh USIM adalah "kemampuan universiti untuk menyediakan dan memupuk kesjaranaan ahli akademik yang terbilang." Pengajaran yang berkesan boleh dicapai sekiranya seseorang pensyarah itu berjaya mengubah pelajar-pelajarnya dari aspek pemikiran, tingkahlaku dan sikap ke arah hasil pembelajaran yang dihasratkan. Contohnya jika hasil pembelajaran menghendaki pelajar-pelajar menguasai kemahiran berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Arab, maka pengajaran pensyarah tersebut seharusnya menuju ke arah melahirkan pelajar-pelajar yang mampu berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Arab. Kesimpulannya, keberkesanan pengajaran seseorang ahli akademik itu ditentukan oleh hasil pembelajaran yang dikuasai oleh pelajar-pelajarnya, bukannya hanya kepada ketinggian ilmu dan kepetahan ahli akademik itu bersyarah. Menurut perspektif psikologi pembelajaran pula, keberkesanan seseorang pensyarah itu mendidik adalah bermula apabila pensyarah tersebut mampu memahami psikologi pelajar-pelajarnya.

Keputusan memahami psikologi pelajar

Pensyarah yang memahami psikologi pelajar-pelajarnya mampu mengenali kekuatan dan kelemahan pelajar-pelajar mereka. Ini dapat membantu pensyarah tersebut merangsang motivasi pelajar-pelajarnya. Pelajar memerlukan motivasi yang tinggi untuk belajar. Motivasi berkait rapat dengan keperluan dan kehendak yang mengarah pemikiran dan tingkah laku seseorang. Motivasi penting kerana kajian menunjukkan usaha yang dilaburkan oleh pelajar dalam proses pembelajaran sangat mempengaruhi kualiti dan kuantiti pembelajaran (Blumberg, 2009). Kajian

menunjukkan penglibatan, iltizam dan motivasi intrinsik mampu meningkatkan pembelajaran seseorang. Untuk merangsang motivasi pelajar, seseorang pensyarah tersebut harus memiliki dan mengaplikasikan kemahiran kaunseling.

Pendekatan kaunseling dalam pengajaran dan pembelajaran

Salah satu pendekatan kaunseling yang akan dibincangkan dalam artikel ini adalah Terapi *Client Centred* oleh Carl Rogers (1902-1987). Pendekatan ini mengutamakan kepentingan setiap individu sebagai perancang masa hadapannya. Pensyarah

percaya bahawa setiap manusia itu mempunyai sumber bakat untuk mengurus diri secara berkesan serta berupaya menangani masalah yang dihadapinya. Kepercayaan ini disandarkan kepada fitrah bahawa setiap manusia itu unik dan mempunyai harga diri. Memiliki ciri personaliti yang bersepadu, sihat dan cenderung ke arah kesempurnaan sendiri. Manusia juga suka berinteraksi dengan manusia lain dan berkembang ke arah sosialisasi yang positif.

Berdasarkan pendekatan *Client Centred* oleh Carl Rogers (1951), kejayaan seseorang pensyarah yang mengaplikasikan pendekatan ini diukur kepada kualiti pensyarah tersebut membawa kepada perubahan tingkah laku pelajar-pelajar tersebut. Antara kualiti ciri yang perlu dimiliki ialah empati, penerimaan tanpa syarat dan kongruen atau keikhlasan.

a. Empati

Empati adalah kebolehan seorang pensyarah memahami pelajar-pelajarnya dalam peringkat yang lebih mendalam. Ini merangkumi kemahiran mendengar dengan aktif tentang apa yang diperkatakan oleh pelajarnya samada secara tersurat maupun tersirat. Pensyarah juga dapat menyelami kesulitan yang dihadapi oleh pelajar serta bertindak membantu ke arah mengatasi masalah berkenaan. Kesan daripada pendekatan ini menyebabkan pelajar tersebut berasa kesulitan yang ditanggungnya difahami dan menjadi keutamaan kepada penyelesaian permasalahan pengajaran dan pembelajaran.

b. Penerimaan Tanpa Syarat

Pensyarah dapat menerima pelajar-pelajarnya dengan hati terbuka tanpa membezakan status ekonomi, taraf hidup, maupun keturunan. Implikasi penerimaan bermaksud pensyarah

menggunakan pendekatan tidak menilai (*non-judgemental*) yang juga bermaksud sikap penyayang tanpa syarat. Apabila sikap mesra dan penerimaan ini wujud dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, maka pelajar-pelajar akan bersedia menerima bimbingan daripada pensyarahnya. Pelajar juga berasa lebih yakin untuk menghadapi permasalahan yang timbul dalam proses pembelajaran.

c. Kongruen atau Keikhlasan

Ini menggambarkan pensyarah tersebut memiliki kualiti keikhlasan, kejujuran dan kebolehpercayaan dalam hubungan sesama manusia. Untuk menjadi seorang yang kongruen dalam hubungan dengan pelajar-pelajarnya, pensyarah perlu menonjolkan dirinya yang sebenar tanpa sikap berpura-pura. Apa yang diajar oleh pensyarah juga akan ditonjolkan olehnya dalam bentuk perilaku dan akhlaknya yang sebenar. Kualiti kejujuran dan keikhlasan akan menjadi *role model* yang bakal mendorong pelajar-pelajarnya menghadapi permasalahan secara terbuka. Ini menyebabkan pelajar-pelajar memahami diri mereka secara lebih mendalam.

Kesimpulan

Keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran di USIM sangat dititikberatkan terutama dalam menyahut cabaran kedua dalam Amanat Tahun 2013 oleh Naib Canselor USIM. Untuk memupuk dan meningkatkan keserjanaan ahli-ahli akademik dalam pembelajaran dan pengajaran, pensyarah-pensyarah harus didedahkan kepada pendekatan psikologi kaunseling. Antara pendekatan kaunseling yang boleh dipelajari dan diaplikasikan ialah Pendekatan *Client Centred*.

Dr. Isa's TEACHING PHILOSOPHY STATEMENT

By: DR MOHAMAD ISA AMAT

TEACHING PHILOSOPHY STATEMENT

Human being is unique creature that has been created by Allah with various talents and potentials and curiosity. In conjunction to teaching and learning process, it is very helpful for audience what is my personal view and beliefs about human being in learning. I will share about my personal view how individuals preference in learning. Hopefully when you read this, you may want to reflect what you believe how individuals learn. And I believe that not everyone may agree with my point of view. Let's go explore my perspective and journey in teaching and learning.

MY BASIC BELIEF ABOUT HUMAN NATURE

Before I discuss my teaching philosophy statement in detail, I would like to discuss what I believe about human nature. My basic belief is influenced by Adlerian Therapy which is also known as Individual Psychology (Adler, 1982). I have faith that each individual has potential, resources and the strength to move forward. We are all progressing away from imperfection and moving toward our ultimate goals. This statement manifest that all the behavior is purposeful towards positive well-being. However, feelings of inferiority or imperfection and interactions with significant others can move people along a different and often painful path in their life (Ansbacher & Ansbacher, 1979; Adler, 1982).

MY PRACTICE

My Instructional Theory

My teaching philosophy is influenced by Social Learning Theory (SLT) founded by Albert Bandura (1977). He asserted that, that people learn new behavior through overt reinforcement or punishment, or via observational learning of the social factors in their environment. For example, if the students observe a positive role model from peers with desired outcomes in the observed behavior, then they are more likely to model, imitate, and adopt the behavior themselves. In 1986, Bandura officially launched the Social

Cognitive Theory (SCT). Social-cognitive theory proposes that the majority of human learning occurs within a social environment, because dynamic social settings promote interactions between one's personal factors, environment, and behaviors (Bandura, 1986).

In addition to Social Cognitive Theory, I also integrate teacher efficacy in my teaching philosophy statement. Teacher efficacy might influence students' behaviors through (a) cognitive processes (especially goal setting), (b) motivational processes (especially attributions for success and failure), (c) affective processes (especially control of negative feelings), and (d) selection processes (Bandura, 1997). Teachers who believe that they will be successful set higher goals for their students, try harder to achieve those goals, and persist through obstacles. Individuals who believe that they will fail avoid expending effort because failure after trying hard threatens self-esteem. Self-efficacy is situational; it is not a generalized expectancy. It develops from a subject's appraisal of past experience with a task or with similar activities, although perceptions of efficacy can be modified by other sources of information, such as observing the performances of others (Bandura, 1997).

Cooperative Learning

In addition to Social Cognitive Theory and teacher efficacy, Cooperative Learning (CL) compliments

my understanding and practice in teaching and learning (Brown, 1995; Kaufman, Felder & Fuller, 2000). In promoting positive, active and engaging classroom environments, I encourage students to participate actively in small group activities. Tan, Sharan and Lee (2006) explained the term "cooperative learning" is a "general title for a set of classroom teaching methods where students work in small groups to help one another study academic subject matter" (p. 4). Cooperative Learning is an instructional paradigm in which teams of students work on structured tasks (e.g., homework assignments, laboratory experiments, or design projects) under conditions that meet five criteria: positive interdependence, individual accountability, face-to-face interaction, appropriate use of collaborative skills, and regular self-assessment of team functioning (Tan, Sharan & Lee, 2006).

Cooperative Learning and Role Playing

Since the students in the classroom are very unique and everyone has different preferences in learning styles, cooperative learning is crucial for course instructors to create situational interest (Rotgans & Schmidt, 2009) for the students by implementing role-plays (Shruts, Cashwell, Spurgeon, Degges-White, Barrio & Kardatzke, 2006). Students might feel threatened to role-play as a counsellor in front of the class possible due to performance anxiety. I believe that the small group setting will definitely minimize this threatening feeling and help students to explore their potential and take risks to grow. The use of role-play has many possibilities to be incorporated into a wide variety of counselling courses and has been accepted as a standard and expected component of counsellor education programs, particularly within practicum course (Baker, Daniels, Greeley, 1990). Munson, Stadulis, and Munson (1986) stated that role-plays and modeling have been shown to be significantly more effective for increasing trainees' counselling self-efficacy. Interestingly, Larson, Clark, Wesely, Koralesaki, Daniels and Smith (1999) found that role-playing was better suited to higher level students preparing for practicum.

The Roles, Responsibilities and Activities as a Counsellor Educator

In preparing a good counsellor educator, counsellor education programs can prepare counsellor educators and supervisors and advanced practitioners for counselling development in both academic and clinical settings (Council for Accreditation of Counselling and Related Program, 2009). As a result, doctoral students need to know fundamental skills and knowledge by comprehending various therapeutic theories, techniques and interventions, professional development, and legal and ethical issues which will be faced as a counsellor educator (Miller, 2009).

These roles and responsibilities of counsellor educators were exemplified with clinical works through counselling sessions and supervision for first-year and second-year doctoral students. In addition, co-teaching with faculty provides a great platform for doctoral students to develop their competency in teaching. This includes how to develop a course outline, create teaching pedagogy, innovate classroom activities, and determine course evaluation.

Areas to Improve

Teaching is a challenging and new area for me. As I returned to my department, teaching is one of the responsibilities I dealt with the most. The official course instruction in class is in English. However, the students are Malays and non-English speakers in their daily conversation. Limited usage of English in daily conversation may negatively affect their fluency in counselling competencies since majority of textbooks are in English. For some reason, the lectures were given in English, however, when it came to the counselling practicum, the students had have problems using English during counselling sessions. The reason why the course instructed in English was the college policy requires all faculty members using English as a medium of instruction. At the same time, the majority of the students struggle in utilizing English correctly. The instructors had difficulties balancing between the students' capacity and policy of the college. This is a unique aspect and personal challenge as a counsellor educator in Malaysia, particularly in my college. I

wonder too, is this arrangement ethical? How can I address this issue to achieve win-win situation for the students and policy makers?

CONCLUSION

This article discussed extensively my personal experience and view teaching in counselling courses. The nature of counselling program is highly integrative both knowledge and skills that require immediate practice among students. I do

believe there must be different perspectives in terms of learning in other disciplines. I am very welcome to hear experience from other lecturers from other discipline for their struggles and improvement for teaching and learning process in USIM. As USIM has move on in integrating between elements of Aqli and Naqli, there is a new challenges for educators in USIM to operationalize the philosophy, values, and practice of Aqli and Naqli.

REFERENCES

- Adler, A. (1982). The fundamental views of individual psychology. *Journal of Individual Psychology*, 38 (1), 4-6.
- Ansbacher H. L., & Ansbacher R. R.(edtr) (1979). *Superiority and social interest: A collection of later writings*. Toronto: Northwestern University Press.
- American Counselling Association. (2005). *ACA Code Ethics*. Alexandria, VA: Author.
- Baker, S. B., Daniels, T. G., & Greeley, A. T. (1990). Systematic training of graduate-level counsellors: Narrative and meta-analytic reviews of three major programs. *Counselling Psychologist*, 18, 355-421.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. New York: General Learning Press.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: Freeman.
- Brown, R.W. (1995). Autorating: Getting individual marks from team marks and enhancing teamwork. 1995 Frontiers in Education Conference Proceedings. Pittsburgh, IEEE/ASEE, (11) 1995.
- Charters A (2000) Role modelling as a teaching method: encouraging student centred learning in a clinical environment. *Emergency Nurse* 7(10): 25-9.
- Council for Accreditation of Counselling and Related Educational Programs. (2009). 2009 standard. Author. <http://www.cacrep.org/template/page/cfm?id=50>. Date retrieved 3/29/2010.
- Gordon J. (2003). ABC of learning and teaching in medicine: One to one teaching and feedback. *British Medical Journal* 326: 543-5.
- Jacobs, G. M., Power, M. A., and Loh, W. I. (2002). *The teacher's sourcebook for cooperative learning*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Johnson, D., Johnson, R., & Holubec E. (1994). *Cooperative learning in the classroom*, Alexandria, VA: ASCD.
- Kaufman, D.B., Feldr, R.M., & Fuller, H. (2000). Accounting for individual effort in cooperative learning teams. *Journal Engineering Education*, 89 (2), 133-140.
- Larson, L. M., Clark, M. P., Wesely, L. H., Koraleski, S. F., Daniels, J. A., & Smith, P. L. (1999). Videos versus role-plays to increase counselling self-efficacy in pre-practica trainees. *Counsellor Education and Supervision*, 38, 237-248.
- Magnuson, S., Black, L., & Lahman, M. (2006). The 2000 cohort of new assistant professors of counsellor education: Year 3. *Counsellor Education and Supervision*, 45, 162-179.
- Meaney, K.S., Bohler, H.R., Kopf, K., Hernandez, L., & Scott, L.S. (2008). Service learning and preservice educators' cultural competence in teaching: An exploratory study, *Journal of Experiential Education*, 31, (2), 189-208.
- Miller, L.G. (2009). Preparing counsellor education doctoral students as future faculty. *Aces Spectrum* 69 (3), 60-66.
- Munson, W.W., Stadulis, R. E., & Munson, D. G. (1986). Enhancing competence and self-efficacy of potential therapeutic recreators in decision making counselling. *Therapeutic Recreation Journal*, 20(4), 85-93.
- Rotgans, J. I., & Schmidt, H. G. (2009). Situational interest and academic achievement in the active-learning classroom. *Learning & Instruction*, 21(1), 58-67. doi:10.1016/j.learninstruc.2009.11.001
- Schmidt, L. (2008). How we don't learn. *Leadership*. November-December. 10-14. Taylor C. (1997). Problem-solving in clinical nursing practice. *Journal of Advanced Nursing* 26(2): 329-39
- Shurts, W., Cashwell, C. S., Spurgeon, S. L., Degges-White, S., Barrio, C. A., & Kardatzke, K. N. (2006). Preparing Counsellors-in-Training to Work With Couples: Using Role-Plays and Reflecting Teams. *Family Journal*, 14(2), 151-157. doi:10.1177/1066480705285731
- Tan, I. G., Sharan, S., and Lee, C. K. (2006). *Group investigation and student learning. An experiment in Singapore schools*. Marshall Cavendish International, Singapore.

APA ITU PEMBELAJARAN?

Nukilan Oleh : SHARIFAH NORASHIKIN SYED MAHMUD

Pengertian Pembelajaran

Pada asasnya, pembelajaran adalah suatu proses interaksi antara pelajar dengan pendidik dan sumber belajar pada suatu lingkungan belajar yang meliputi pengajar dan juga anak didik yang saling bertukar informasi. Menurut Wikipedia, ***pengertian pembelajaran*** merupakan bantuan yang diberikan oleh tenaga pengajar agar dapat terjadi proses perolehan ilmu dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan pada pelajar. Dengan kata lain, ***pengertian pembelajaran*** adalah proses untuk membantu pelajar agar dapat belajar dengan cara yang baik, mudah difahami dan berkesan.

Dari sudut pandangan lain pula, pembelajaran mempunyai ***pengertian*** yang mirip dengan pengajaran, tetapi sebenarnya mempunyai maksud yang berbeza. Dalam konteks ***pendidikan***, pendidik mengajar agar pelajar dapat belajar dan menguasai isi pelajaran hingga mencapai sesuatu objektif yang ditentukan (aspek kognitif), juga dapat memengaruhi perubahan sikap (aspek afektif), serta keterampilan (aspek psikomotor) seseorang pelajar, namun ***proses pengajaran*** ini memberi kesan hanya sebagai pekerjaan satu pihak, iaitu pekerjaan pengajar sahaja. Sedangkan pembelajaran meliputi interaksi antara pengajar dan juga pelajarannya sendiri.

Tujuan Pembelajaran

Tujuan pembelajaran (*instructional objective*) adalah perilaku hasil belajar yang diharapkan terjadi, dimiliki, atau dikuasai oleh pelajar setelah mengikuti kegiatan pembelajaran tertentu. Hal ini dikaitkan dengan pelbagai pendapat tentang makna ***tujuan pembelajaran*** atau tujuan instruksional.

Magner (1962) mendefinisikan ***tujuan pembelajaran*** sebagai tujuan perilaku yang hendak dicapai atau yang dapat dikerjakan oleh pelajar sesuai dengan kompetensi. Sedangkan Dejnozka dan Kavel (1981) mendefinisikan ***tujuan pembelajaran*** adalah suatu pernyataan spesifik yang dinyatakan dalam bentuk perilaku yang diwujudkan dalam bentuk tulisan yang menggambarkan hasil belajar yang diharapkan.

Pengertian lain menyebutkan bahawa, ***tujuan pembelajaran*** adalah pernyataan mengenai keterampilan atau konsep yang diharapkan dapat dikuasai oleh pelajar pada akhir tempoh sesuatu pembelajaran (Slavin, 1994). ***Tujuan pembelajaran*** merupakan arah yang hendak dituju dari rangkaian aktiviti yang dilakukan dalam ***proses pembelajaran***. Tujuan pembelajaran dirumuskan dalam bentuk perilaku kompetensi spesifik, aktual, dan terukur sesuai yang diharapkan terjadi, dimiliki, atau dikuasai oleh pelajar setelah mengikuti kegiatan pembelajaran tertentu.

Penyusunan Tujuan Pembelajaran

Penyusunan tujuan pembelajaran merupakan tahap penting dalam rangkaian pengembangan reka bentuk pembelajaran. Dari tahap inilah ditentukan apakah tindakan yang seterusnya perlu dilakukan bagi meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami dan menguasai pembelajaran yang mereka pelajari. Apa yang dirumuskan dalam ***tujuan pembelajaran*** menjadi acuan untuk ***menentukan jenis material pembelajaran, strategi pembelajaran, metode pembelajaran, dan media pembelajaran sesuai*** yang akan digunakan dalam ***proses pembelajaran***. Tanpa tujuan yang jelas, pembelajaran akan menjadi kegiatan tanpa arah, tanpa fokus, dan menjadi tidak efektif.

Sumber Rujukan : Artikel Pengertian Pembelajaran dan Tujuan Pembelajaran

STAF CONTOH BULANAN PIPP 2013



**PN. NOOR AZREN
ABD MALEK
PEMBANTU
TADBIR
UNIT
PENTADBIRAN DAN
KEWANGAN
OGOS**



**PN. SITI HAJAR
RAMLI
PEMBANTU
TADBIR
UNIT
KELAYAKAN DAN
PENGIKTIRAFAN
SEPTEMBER**



**PN. ROZILAH
ROZALI
PEMBANTU
TADBIR
UNIT
PEMBELAJARAN &
PENGAJARAN
OKTOBER**



**PN. FARHAN
MUSTAFA
PENOLONG
PENDAFTAR
UNIT
KELAYAKAN DAN
PENGIKTIRAFAN
NOVEMBER**



**PN. SHARIFAH
NORASHIKIN
SYED MAHMUD
SETIAUSAHA
PEJABAT
PENGARAH
PIPP
DISEMBER**

Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi USIM 2013

Dua orang staf PIPP telah menerima anugerah semasa Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi USIM 2013 yang diadakan pada 5 Julai 2013 di Hotel Sama-sama, KLIA Sepang. Anuegrah ini diberikan berdasarkan prestasi tahun 2012.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Puan Rozilah binti Razali
Pembantu Tadbir (P/O)
(Unit Pembelajaran dan Pengajaran)



Penerima Anugerah Terpuji dan Anugerah Staf Contoh Tahunan

Puan Farhan binti Mustafa
Penolong Pendaftar
(Unit Kelayakan dan Pengiktirafan)



Penempatan Penyelaras UKP Baharu Di PIPP



Dr. Mohd Zalisham
bin Jali

Berkuatkuasa pada 1 Ogos 2013, PIPP telahpun menerima kedatangan Dr. Mohd Zalisham Jali, Pensyarah daripada Fakulti Sains dan Teknologi sebagai Penyelaras Unit Kelayakan dan Pengiktirafan (UKP) yang baharu bagi menggantikan Dr. Siti Nurazira Mohd Daud yang telahpun menamatkan perkhidmatannya di PIPP.

Bagi mantan Penyelaras Unit Kelayakan dan Pengiktirafan, PIPP pula, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan sumbangan khidmat bakti yang telah diberikan oleh beliau selama memegang jawatan tersebut di PIPP. Sesungguhnya, hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa dan sumbangan baktinya yang diberikan selama ini. Terima kasih dari kami warga PIPP.



Dr. Siti Nurazira binti
Mohd Daud

**Kuning emas masakannya padi
Mawar merah dalam jambangan
Terima kasih daun keladi
Budi puan jadi kenangan**

Majlis Perkahwinan Staf

01 Jun 2013 : Puan Farhan binti Mustafa, (Penolong Pendaftar di Unit Kelayakan dan Pengiktirafan) telah melangsungkan perkahwinan bersama pasangannya Encik Mohd Khairuddin bin Sharkawi. Majlis perkahwinan diadakan di rumah ibu bapa beliau di Rengit, Johor.



Kelahiran Cahaya Mata



Encik Muin bin Yahaya (Penolong Pendaftar di Unit Pentadbiran dan Kewangan) dan pasangannya Puan Zurina binti Yusof telah menyambut cahaya mata yang kelapan, lelaki bernama Muhammad Harun pada 06 Mac 2013.



Encik Marwan bin Tahir (Penolong Pendaftar di Unit Pembelajaran dan Pengajaran) dan pasangannya Dr. Siti Suriani binti Othman (Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan) telah menyambut cahaya mata sulung, lelaki bernama Marwan Andika Yusof pada 30 Ogos 2013.



Puan Noor Azren binti Abd Malek (Pembantu Tadbir di Unit Pentadbiran dan Kewangan) dan pasangannya Muhamad Izwan bin Omar telah menyambut cahaya mata yang kedua, lelaki bernama Muhamad Rifqy pada 3 Disember 2013.

TAKWIM LATIHAN PIPP 2014

CADANGAN (TARIKH)	NAMA KURSUS / LATIHAN	JENIS KURSUS	CADANGAN TEMPAT
22/1 - 6/2/2014	KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN BIL. 1/2014	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
3 - 17/2/2014	KURSUS ASAS PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN BIL. 1/2014	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
19/02/2014	KURSUS REKA BENTUK KURIKULUM BERTERASKAN <i>OUTCOME BASE EDUCATION (OBE)</i> SIRI 1	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
20/2/2014	PRABENKEL SEMAKAN KURIKULUM INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI	Bengkel	Dalam Kampus
Februari 2014	BENKEL PERSEDIAAN SETARA DAN D-SETARA	Bengkel	Bilik Gerakan PIPP
3-5/3/2014	KURSUS PENGENALAN <i>PROBLEM BASE LEARNING</i>	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
17/3/2014	KURSUS PEMBANGUNAN ALAT BANTUAN MENGAJAR (ABM) SIRI 1	Bengkel	Bilik Seminar Perpustakaan
27-28/3/2014	BENKEL HALATUJU PIPP	Bengkel	Bilik Seminar Perpustakaan
8-9/4/2014	KURSUS PENILAIAN PSIKOMOTOR, AFEKTIF DAN KOGNITIF	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
22-23/4/2014	KURSUS <i>ACTION RESEARCH</i> (Intermediate & Advance)	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
30/4/2014	KURSUS PEMBANGUNAN RUBRIK	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
07/05/2014	KURSUS PEMBANGUNAN ALAT BANTUAN MENGAJAR (ABM) SIRI 2	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
14-15/5/2014	KURSUS PEMBINAAN MODUL <i>PROBLEM BASED LEARNING (PBL)</i>	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
20/5/2014	KURSUS REKA BENTUK KURIKULUM BERTERASKAN <i>OUTCOME BASE EDUCATION (OBE)</i> SIRI 2	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
2-3/6/2014	KURSUS TOT PANEL KUALITI AKADEMIK USIM	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
10-11/6/2014	KURSUS <i>CONTINUAL QUALITY IMPROVEMENT (CQI)</i> PHASE I	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
18-19/6/2014	KURSUS PENYEDIAAN DAN PENAKSIRAN SOALAN	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
5-19/8/2014	KURSUS ASAS PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN BIL. 2/2014	Latihan/Kursus	Dalam Kampus
21/8/2014	KURSUS REKA BENTUK KURIKULUM BERTERASKAN <i>OUTCOME BASE EDUCATION (OBE)</i> SIRI 3	Latihan/Kursus	Dalam Kampus
28/8/2014	KURSUS <i>ASSURING HIGH QUALITY POST-GRADUATE TEACHING AND SUPERVISION</i>	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
04/09/2014	KURSUS PEMBANGUNAN ALAT BANTUAN MENGAJAR (ABM) SIRI 3	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
13-27/10/2014	KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN BIL. 2/2014	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
30-31/10/2014	KURSUS <i>COACHING AND MENTORING</i>	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
05/11/2014	KURSUS REKA BENTUK KURIKULUM BERTERASKAN <i>OUTCOME BASE EDUCATION (OBE)</i> SIRI 4	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
11-12/11/2014	KURSUS <i>CONTINUAL QUALITY IMPROVEMENT (CQI)</i> PHASE II	Latihan/Kursus	Bilik Seminar Perpustakaan
April 2014	<i>EXECUTIVE TALK - SUSTAINABILITY ASSESSMENT METHODOLOGY</i>	Perkongsian	belum ditentukan (dalam Kampus)
Jun 2014	SESI PERKONGSIAN ILMU BAGI PROGRAM SANGKUTAN STAF AKADEMIK	Perkongsian	belum ditentukan (dalam Kampus)
April, Jun dan September 2014	KURSUS/LATIHAN DALAMAN UNTUK STAF (3 kali)	Latihan/Kursus	Bilik Gerakan PIPP